

Headline	Siap siaga kekang MERS CoV		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Jul 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	486 cm ²
Journalist	^^MH^PPfPPHWPiRIHPPiPPViiHI	AdValue	RM 9,605
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,816



Siap-siaga kekang MERS-CoV



ZULKIFLI JALIL
 pengarang@utusan.com.my

SINDROM Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV) belum ada penawarnya.

Suatu ketika tahun lepas, jemaah umrah Malaysia diingatkan berulang kali jangan sesekali melawat ladang unta di tanah suci. Tetapi ada kalangan ejen pakej umrah mengatakan susu unta dan air kencing unta 'wajib' diminum. Kalau tidak, ibadat umrah jadi tidak sah.

Itu antara sekelumit kisah perbuatan tidak bertanggungjawab pihak terbabit sehingga dikatakan ada satu kes melibatkan jangkitan MERS-CoV akibat 'close contact' seorang jemaah Malaysia mengusap kepala unta.

Sehingga 23 Jun lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan sejumlah 1,345 kes disahkan MERS-CoV. Ini termasuk sekurang-kurangnya 479 kematian yang dilaporkan di semua negara yang dijangkiti. Daripada jumlah itu, sejumlah 174 kes disahkan dijangkiti MERS-CoV termasuklah 27 kematian dilaporkan di Republik Korea.

Pada 17 Jun lalu, Kementerian Kesihatan Thailand melaporkan kepada pihak WHO berkaitan kejadian kes pertama MERS-CoV (kes import) yang dilaporkan di negara gajah putih itu. Kes melibatkan warga Oman yang pergi ke Thailand untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Hasil laporan yang diterima daripada WHO dan komunikasi secara terus pihak Kementerian Kesihatan negara ini dengan pihak kementerian sama di Thailand, buat masa ini tiada kes tambahan atau kluster dilaporkan berlaku di Thailand.

Kerajaan Thailand telah dan sedang menjalankan langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya bagi mencegah berlaku penularan penyakit di dalam dan ke luar negara.

Bercakap kepada penulis semalam, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya memberitahu, kementeriannya sentiasa memantau perkembangan jangkitan MERS-CoV yang sedang berlaku di Asia Barat dan negara-negara lain terlibat termasuk Republik Korea.

Bermula Januari 2013 sehingga kini, katanya, kementerian melalui

Pusat Kesiapsiagaan dan Respons Kebangsaan (CPRC) menerima sejumlah hampir 818 notifikasi kes PUI MERS-CoV dari seluruh negara.

Kesemua kes Pengesanan Kes Yang Disyaki (Patient Under Investigation atau PUI) MERS-CoV yang dimotifikasikan, disahkan sebagai bebas dari jangkitan MERS-CoV melalui ujian makmal yang dijalankan. Melainkan satu kes positif yang terdahulu dikesan pada April 2014 di Batu Pahat, Johor.

Dalam hal ini, kata Hilmi, pihak kementerian telah memperkukuhkan pelbagai aktiviti kesiapsiagaan dan respons di semua peringkat kementerian bagi menghadapi potensi penularan jangkitan tersebut di negara ini, antaranya seperti berikut:

a) Selain aktiviti saringan kesihatan di pintu masuk antarabangsa negara, edaran Kad Amaran Kesihatan (*Health Alert Card*) turut dijalankan. Aktiviti saringan kesihatan di pintu masuk itu bertujuan mengesan pelawat yang menunjukkan tanda atau gejala penyakit berjangkit termasuklah Ebola dan MERS-CoV.

Bagi MERS-CoV, tumpuan saringan juga kini terhadap pelawat yang tiba dari Republik Korea, selain para pelawat yang tiba dari Semenanjung Arab.

b) Para pelawat yang mempunyai gejala pernafasan ringan diberikan kad Tatacara Penilaian Kesihatan Kendiri (*Home Assessment Tool*), yang meliputi maklumat seperti gejala-gejala jangkitan MERS-CoV dan langkah-langkah pencegahan serta Kad Amaran Kesihatan.

c) PUI bagi MERS-CoV yang dikesan sama ada semasa saringan di

pintu masuk antarabangsa negara, di hospital atau klinik, akan dirujuk untuk menerima pemeriksaan dan rawatan lanjut ke salah satu daripada 52 hospital rujukan Kementerian Kesihatan bagi pesakit disyaki MERS-CoV. Sekiranya ujian mendapati pesakit tersebut disahkan positif MERS-CoV, pesakit akan dipindahkan ke salah satu dari 23 hospital rujukan khas pesakit sah MERS-CoV yang telah ditetapkan.

d) Bagi fasiliti bukan Kementerian Kesihatan (hospital swasta, hospital universiti dan hospital angkatan tentera), fasiliti ini juga perlu menerima kemasukan pesakit PUI MERS-CoV dan menghantar ujian pengesanan MERS-CoV ke makmal swasta. Pesakit yang disahkan positif MERS-CoV berdasarkan ujian pengesanan tersebut perlu dirujuk kepada hospital rujukan khas

MERS-CoV (designated hospital) untuk pengurusan pesakit dan rawatan selanjutnya.

e) Terdapat 17 makmal seluruh negara yang boleh mengendalikan sampel klinikal bagi MERS-CoV. Ini merangkumi 15 makmal di fasiliti KKM dan dua makmal swasta iaitu Geneflux Diagnostic Sdn. Bhd atau Lablink (M) Sdn. Bhd.

f) Setiap fasiliti kesihatan diberi penekanan agar memastikan semua langkah pencegahan dan kawalan infeksi dipatuhi untuk mengelakkan sebarang penularan penyakit.

g) Kementerian Kesihatan bekerjasama rapat dengan pihak Tabung Haji, Kementerian Luar, Persatuan

Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA) dan Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATT) bagi memberi taklimat mengenai MERS-CoV. Ini sebagai nasihat untuk penyediaan sebelum berlepas, langkah-langkah pencegahan dan kawalan tertentu yang perlu diambil semasa dan selepas haji atau umrah.

h) Kementerian Kesihatan bekerjasama rapat dengan Tabung Haji khusus untuk memberikan taklimat, menjalankan pemeriksaan kesihatan dan pemantauan suntikan vaksin untuk jemaah haji. Pada musim haji, pasukan perubatan kementerian turut dihantar ke tanah suci sepanjang tempoh haji bagi menjaga keperluan perubatan jemaah haji.

Terkini pada 8 Jun lalu, sesi taklimat MERS-CoV telah diadakan kepada anggota Tabung Haji dan Pasukan Rombongan Perubatan Haji. Taklimat berkaitan MERS-CoV juga diberikan kepada bakal jemaah haji semasa Kursus Perdana Haji di setiap negeri yang akan diadakan bermula pada 31 Julai hingga 17 Ogos tahun ini.

i) Bagi menangani hal berkaitan kes import pelawat dari negara yang dijangkiti wabak, langkah-langkah kesiapsiagaan dan respon dilaksanakan secara menyeluruh di pelbagai peringkat selaras dengan komitmen Malaysia terhadap pelaksanaan International Health Regulations (IHR) 2005 di peringkat global. Ia merupakan satu bentuk ikatan perundangan yang berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007 melibatkan pihak WHO, dengan disertai oleh 194 negara anggota dari seluruh dunia.




Selain aktiviti saringan

Headline	Siap siaga kekang MERS CoV		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Jul 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	486 cm ²
Journalist	^^MH^PPfPPHWPIRIHPPIPPVIIHI	AdValue	RM 9,605
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,816

kesihatan di pintu masuk antarabangsa negara, edaran Kad Amaran Kesihatan (*Health Alert*

Card) turut dijalankan. Aktiviti saringan kesihatan di pintu masuk itu bertujuan

mengesan pelawat yang menunjukkan tanda atau gejala penyakit berjangkit termasuklah Ebola dan MERS-CoV.



PENUMPANG perlu melalui kamera pengimbas haba yang dipasang di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Gimpo, Seoul, Korea Selatan bagi mengekang jangkitan Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV) pada 17 Jun lalu.
- REUTERS